

27 AUG 2001

Megawati-Tiba

MEGAWATI TIBA UNTUK LAWATAN NEGARA DUA HARI KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri tiba di sini hari ini untuk melakukan lawatan negara dua hari ke Malaysia dalam rangka lawatan beliau bagi mengukuhkan lagi hubungan Indonesia dengan negara anggota Asean.

Lawatan itu, atas undangan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, merupakan lawatan pertama Megawati ke Malaysia sejak memegang jawatan itu pada 23 Julai lepas.

Ketibaan Megawati di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) Sepang disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Megawati yang diiringi oleh suaminya Taufiq Kiemas tiba dari Singapura. Ini adalah peringkat akhir lawatannya selama lapan hari yang meliputi sembilan negara anggota Asean.

Turut serta dalam rombongan seramai 60 anggota itu ialah Menteri Luar Indonesia Noer Hassan Wirajuda.

Sejurus selepas tiba Megawati dibawa ke Medan Parlimen untuk majlis sambutan negara oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Siti Aishah.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri-menteri Kabinet, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan para diplomat asing.

Di majlis sambutan negara, Megawati memeriksa perbarisan kehormat oleh empat pegawai dan 104 anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai oleh Mej Hamdan Musa dengan tembakan 21 das dilepaskan.

Tetamu negara itu kemudian diperkenalkan kepada Menteri-menteri Kabinet dan para diplomat asing.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadualkan mengunjungi Megawati di hotelnya tengah hari ini.

Megawati kemudian dijadual mengadakan pertemuan empat mata bersama Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Kedua-dua pemimpin itu dijangka membincangkan hal-hal ekonomi dan perkembangan masa kini, selain daripada menyentuh isu-isu dua hala antara Kuala Lumpur dan Jakarta.

Malam ini, Megawati akan mengadap Sultan Salahuddin dan Tuanku Siti Aishah, di ikuti oleh majlis makan malam di Istana Negara.

Presiden itu dijadual menemui masyarakat Indonesia yang berada di sini, di kedutaan Indonesia, esok.

Megawati dan rombongannya dijangka pulang ke Indonesia tengah hari esok.

-- BERNAMA

RZS HS AHH PR